



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

KENYATAAN MEDIA

KOLOKIUUM REFORMASI PERUNDANGAN DAN PENGURUSAN MAHKAMAH PERUSAHAAN MALAYSIA (MPM)

Kolokium Reformasi Perundangan dan Pengurusan Mahkamah Perusahaan Malaysia (MPM) telah berlangsung pada 28 dan 29 Februari 2024 (Rabu dan Khamis) bertempat di Hotel Zenith Putrajaya. Kolokium ini merupakan julung kalinya dianjurkan oleh MPM dan pihak Kementerian dengan kerjasama Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Penganjuran kolokium selama 2 hari ini bertujuan untuk mereformasikan perundangan dan pengurusan MPM dengan penyertaan pelbagai pemegang taruh bagi memberikan input terhadap 4 perkara utama iaitu:

- a) Dasar dan Perundangan Perhubungan Perusahaan
- b) Pemantapan Pengurusan Kes di MPM (Akta/Peraturan)
- c) Penambahbaikan Kemudahan dan Fasiliti di MPM
- d) Pengukuhan Pentadbiran dan Pengurusan Sumber Manusia

Antara pembentang kertas yang telah dijemput ke kolokium ini ialah BHEUU, Badan Peguam Malaysia (Malaysian Bar), Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia (MTUC), Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) dan MPM.

Objektif kolokium ini ialah:

- a) Untuk memberi ruang kepada pihak-pihak pemegang taruh mencadangkan sebarang penambahbaikan/pindaan terhadap undang-undang yang berkaitan dengan Akta Perhubungan Perusahaan 1967 atau Mahkamah Perusahaan;

- b) Sebagai sesi perkongsian/percambahan idea dalam menyelesaikan isu/ permasalahan berkaitan prosedur/peraturan serta kaedah di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 terutama yang berkaitan dengan MPM bagi mempercepatkan/menyelesaikan kes;
- c) Mendapatkan input bagi meningkatkan kecekapan serta memperbaiki mutu perkhidmatan di MPM; dan
- d) Merasionalisasi keperluan untuk meningkatkan infrastruktur/sumber di MPM bagi tujuan mencapai objektif/KPI yang ditetapkan.

Laporan hasil dari kolokium ini akan menjadi asas kepada usaha reformasi perundangan dan penambahbaikan pengurusan MPM agar ia dapat beradaptasi dan berperanan seiring dengan perkembangan iklim perburuhan dan teknologi semasa.

**MENTERI SUMBER MANUSIA
PUTRAJAYA
28 FEBRUARI 2024**